

KE MANAKAH BAHASA MELAYU PADA ABAD KE-21?

BAHASA MELAYU termasuk dalam rumpun bahasa Austronesia di bawah cabang bahasa Nusantara yang berada dalam kelompok Sumatera, selain bahasa Aceh, bahasa Batak, Minangkabau, Nias, Lampung dan Orang Laut.

BIARPUN telah 62 tahun menggalas tanggungjawab penting sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, dan bahasa ilmu sejak negara mencapai kemerdekaan, nasib, peranan atau kedudukan bahasa Melayu masih lagi dibincangkan

dalam pelbagai seminar dan majlis ilmu mutakhir ini. Golongan ilmuwan masing-masing melahirkan kebimbangan tentang nasib bahasa Melayu yang dilihat semakin terancam kedudukannya berikutan pelbagai perkembangan yang berlaku pada masa ini.

Umpamanya, dalam majlis Pelancaran Dekad Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Perak yang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 28 November 2019, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar, Dr. Abdul Aziz Bari melahirkan kekesalannya berkaitan dengan kesedaran yang rendah dalam kalangan masyarakat tentang penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang perlu digunakan secara meluas dalam semua bidang di sektor awam atau swasta. Dalam hal ini, beliau menyarankan semua pihak memberi nilai ekonomi bagi bahasa Melayu seiring dengan kemajuan negara. Sebaliknya, realiti yang berlaku menunjukkan masyarakat pelbagai bangsa hari ini lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa lain digunakan dalam urusan rasmi tersebut. Bahkan terkini pada 6 Disember 2019, tular video berdurasi satu minit 23 saat yang menunjukkan murid menyanyikan lagu *Negaraku* dalam bahasa

Bahasa Melayu menyatukan suara kepelbagaian bangsa.




Mandarin (yang didakwa dirakam pada 26 September 2018 di sebuah sekolah di Seremban, Negeri Sembilan). Sebenarnya, tidak salah sekiranya masyarakat hari ini berlumba-lumba menguasai bahasa Inggeris atau bahasa Mandarin kerana nilai ekonomi yang ada pada bahasa tersebut.

Walau bagaimanapun, sebagai warga Malaysia yang prihatin, masyarakat harus bijak menggunakan bahasa tersebut mengikut konteks dan keadaan yang sesuai menurut undang-undang. Dalam konteks urusan rasmi di sektor awam atau swasta, bahasa Melayu perlu digunakan. Demikian juga, lagu *Negaraku* sama sekali tidak boleh diubah atau dipinda dalam apa-apa bentuk pun, semasa melaksanakannya dalam acara rasmi sekolah berdasarkan Akta Lagu Kebangsaan 1968.

Walaupun siasatan Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati rakaman klip video tersebut berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah dengan tujuan memberi kefahaman terhadap maksud, tujuan dan adab semasa menyanyikan lagu kebangsaan, realiti ini mengundang kebimbangan dalam kalangan masyarakat, berkaitan dengan kedudukan bahasa Melayu, khususnya pada abad ke-21. Setelah 65 tahun merdeka, adakah bahasa Melayu masih belum berupaya menjadi wadah penyatuan warga Malaysia yang berbilang bangsa sehingga lagu kebangsaan perlu diterjemahkan ke dalam bahasa lain untuk tujuan penghayatan maksud kepada warga negara yang bukan daripada penutur jatinya?

Kebimbangan tersebut ada rasionalnya. Seperti yang diketahui umum, abad ke-21 ditandai dengan kemajuan teknologi maklumat, sains dan teknologi yang bahasa Inggeris mengambil peranan yang paling utama sebagai pemacu kejayaannya. Oleh itu penguasaan bahasa Inggeris, di samping beberapa bahasa utama lain yang mempunyai nilai ekonomi



Seperti yang diketahui umum, abad ke-21 ditandai dengan kemajuan teknologi maklumat, sains dan teknologi yang bahasa Inggeris mengambil peranan yang paling utama sebagai pemacu kejayaannya.

adalah wajar dan perlu agar warga negara Malaysia tidak ketinggalan dalam usaha mengejar kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, sains dan teknologi.

Namun begitu, penekanan terhadap kedudukan atau peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia telah jelas dalam Perlembagaan Negara menerusi 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Perlembagaan Malaysia 1963, yang menyebutkan bahawa: "(1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen; ..." Hal ini bermaksud peranan atau kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa untuk urusan rasmi di Malaysia adalah bersifat kekal hinggalah abad ke-21 dan seterusnya. Tidak ada apa-apa yang perlu dipersoalkan lagi berkaitan dengan hal tersebut.

Hanya, satu-satunya cabaran yang paling besar pada masa ini adalah dengan memastikan bahawa kesemua yang tertera dalam perlembagaan tersebut direalisasikan dalam realiti kehidupan masyarakat. Setiap warga negara daripada pelbagai kaum sama ada daripada pelbagai peringkat umur perlu ada perasaan cinta, sayang atau megah bahasa kebangsaan sebagai bahasa penyatuan pelbagai kaum dengan suci hati tanpa mengetepikan bahasa ibunda masing-masing. Dalam hal ini rasa megah bahasa boleh dipupuk dengan mempelajari dan menyelidiki sejarah bahasa Melayu sebagai suatu bahasa yang penting sejak zaman-berzaman lagi.

Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu utuh merentas masa untuk melaksanakan peranannya yang penting sebagai bahasa perantaraan atau perhubungan, bahasa rasmi, bahasa pentadbiran, bermula daripada beberapa buah kerajaan awal Melayu hinggalah pada hari ini. Penemuan beberapa buah batu bersurat di Kedukan Bukit, Palembang (683M), Talang Tuwo, Palembang (684M), Kota Kapur Pulau Bangka (686 M) dan Karang Brahi, Meringin, daerah Hulu Jambi (686M) umpamanya menunjukkan bahawa pada zaman kerajaan Sriwijaya, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi atau bahasa perantaraan untuk menghubungkan penduduknya. meliputi daerah Sumatera, Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, Segenting Kera dan Seri Langka.

Sementara itu, pada zaman kegemilangan zaman Majapahit pula, bahasa Melayu tetap berfungsi sebagai bahasa perhubungan sekalipun bahasa Jawa memainkan peranan yang lebih utama. Hal ini dikatakan demikian kerana di beberapa daerah pesisir Sumatera, khususnya di Jambi, masih terdapat kerajaan Melayu, walaupun berada di bawah jajahan kerajaan Majapahit.

Menerusi kerajaan Melayu Jambi inilah bahasa Melayu menggalas tanggungjawab sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa perhubungan, terutama di daerah pesisir Sumatera.

Pada zaman kerajaan Melayu Melaka, yang bermula pada abad ke-13, bahasa Melayu berkembang daripada bahasa lisan kepada bahasa tulisan, hasil daripada pertembungan dengan kebudayaan Islam. Pada masa ini bahasa Melayu mendapat satu bentuk tulisan baharu yang dinamakan tulisan Jawi. Peranan bahasa Melayu pada ini semakin berkembang, daripada bahasa perhubungan dan bahasa pentadbiran kepada peranan yang lebih besar, iaitu sebagai bahasa perkembangan ilmu dalam pelbagai bidang, khususnya keagamaan, kesusasteraan atau medium penyampaian seni.

Walaupun kerajaan Melaka tewas di tangan Portugis pada tahun 1511, terdapat catatan sejarah yang menunjukkan bahasa Melayu tetap menggalas tanggungjawab yang sama penting seperti zaman-zaman sebelumnya. Catatan daripada Jan Huyghen Van Linschotten warga Belanda yang pernah tinggal di Indonesia pada tahun 1586 dan tahun 1592 yang juga merupakan

pegawai kepada pemerintah Portugis, menyatakan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja sangat harum namanya, bahkan sebagai bahasa yang paling dihormati antara bahasa Timur. Catatan tersebut menganalogikan bahawa orang yang tidak tahu berbahasa Melayu adalah sama seperti seorang yang tidak tahu berbahasa Perancis di negeri Belanda pada masa itu.

Bukti tentang tingginya martabat bahasa Melayu yang luas penggunaannya di kepulauan Melayu juga dapat disaksikan melalui surat antara pentadbir dengan raja Melayu pada abad ke-17. Sebagai contohnya, surat daripada Sultan Aceh kepada kapitan Inggeris, iaitu James Lancaster (1601), surat daripada Sultan Alauddin Shah, Aceh kepada Harry Middleton (kira-kira 1602), dan surat daripada Sultan Aceh kepada King James, Raja Inggeris (1612) yang kesemuanya ditulis dengan menggunakan bahasa Melayu. Ketiga-tiga surat ini masih tersimpan utuh sebagai bukti di Perpustakaan Bodleian, London.

Demikian juga semasa zaman penjajahan Inggeris sebelum berlakunya perang dunia kedua, bahasa Melayu terus digunakan untuk tujuan rasmi di lima buah Negeri-negeri Melayu

Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, khususnya di Jabatan tertentu seperti pejabat polis dengan pegawai bertugas yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Bahkan, pegawai Inggeris yang bertugas di negeri-negeri Melayu sebelum Perang Dunia Kedua harus mempelajari bahasa Melayu dan lulus dalam peperiksaan sebelum dapat disahkan jawatan masing-masing.

Walaupun berlaku kemerosotan dalam perkembangan bahasa Melayu selepas Perang Dunia Kedua, kedudukan bahasa Melayu dipulihkan kembali pada awal abad ke-20. Perjuangan bahasa Melayu digerakkan seiring dengan gerakan kemerdekaan negara yang dicapai pada tahun 1957 dan kemuncaknya, termaktublah Artikel 152 yang menjelaskan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Bagi memastikan bahasa Melayu berkembang dan maju setaraf dengan kemajuan negara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dipertanggungjawabkan sebagai badan perancang bahasa yang menjalankan usaha memupuk bahasa Melayu ke arah taraf yang lebih maju.

Kaunter Sah Bahasa DBP membantu membetulkan kesalahan bahasa yang terdapat dalam iklan komersial.




Pelbagai perancangan dilaksanakan termasuklah proses pengekodan, meliputi usaha ke arah penyerapan variasi bahasa dari segi daerah dan sosial melalui penyediaan tatabahasa dan panduan ejaan.

Selain itu, DBP juga melakukan usaha untuk mengembangkan bahasa supaya mencapai keadaan saling terjemah dengan beberapa bahasa moden yang lain. Hal ini dilaksanakan melalui pemupukan istilah baharu, khususnya dalam bidang profesional dan pendidikan. Dari masa ke masa DBP membuat penilaian, iaitu peninjauan kembali terhadap kesan dan aktiviti perancangan yang bertujuan membantu perancangan selanjutnya, di samping memperbaiki kelemahan yang sedia.

Bentuk bahasa Melayu yang disempurnakan dapat dirujuk melalui penerbitan buku *Tatabahasa Dewan*, yang mengandungi panduan berkaitan dengan cara bahasa Melayu digunakan sama ada dalam bentuk tulisan ataupun lisan. Dengan hal yang demikian bahasa Melayu berupaya memperkatakan apa-apa sahaja bidang yang wujud dalam kehidupan rakyat Malaysia pada hari ini dan pada masa yang sama bahasa Melayu tetap dapat bersaing atau berdiri sama teguh dengan bahasa moden yang lain di dunia seperti bahasa Inggeris, Bahasa Perancis, Bahasa Rusia, Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin.

Berdasarkan perkembangan, ini tidak diragukan lagi bahawa bahasa Melayu mempunyai kewibawaan yang tinggi sebagai bahasa utama negara Malaysia yang dijamin kedudukannya dari segi peruntukan perlembagaan dan penggunaannya yang luas. Hal ini diperkukuh lagi dengan Dasar Pelajaran



Malaysia menjadi destinasi popular kepada pelancong asing dan mempromosi bahasa Melayu secara tidak langsung.

Kebangsaan yang melahirkan pelajar yang mendapat pendidikan dalam bahasa Melayu bermula pada tahun 1983. Bahkan penuntut yang mengikuti pengajian di pusat pengajian tinggi juga menerima pendidikan dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Dalam hal ini, universiti awam di seluruh negara telah melahirkan ramai profesional dalam pelbagai bidang dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Pada peringkat antarabangsa pula bahasa Melayu masih diminati sebagai suatu bidang ilmu di luar negara pada abad ke-21 dengan penubuhan Kursi Pengajian Melayu di beberapa universiti terkemuka di dunia. Terkini, pada tahun 2018, Universiti Pendidikan Sultan Idris bekerjasama dengan Uzbekistan State University of World Languages Tashkent menubuhkan Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu, di samping pusat pengajian Melayu lain yang sedia ada pada peringkat antarabangsa seperti di Universiti Leiden, Belanda,

Universiti Ohio, Amerika Syarikat, Universiti Victoria Wellington, Universiti Beijing dan di Universiti Hankuk, Korea Selatan.

Dengan hal demikian, persoalan berkaitan dengan kedudukan bahasa Melayu pada abad ke-21 tidak perlu dipersoalkan lagi. Kedudukannya telah jelas dan terjamin seperti yang termaktub dalam undang-undang tertinggi negara. Bahasa Melayu teguh sebagai bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Perkara yang paling penting ialah integriti semua pihak dalam usaha melaksanakan tanggungjawab masing-masing berhubung dengan penggunaan

bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan bahasa pengantar serta bahasa ilmiah di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Untuk memastikan integriti ini dapat dilaksanakan sepenuhnya, tidak dapat tidak setiap seorang daripada warganegara ini harus mempelajari sejarah bahasa kebangsaannya sendiri dengan rasa bangga dan hati suci bagi menjulang martabat bahasa di tempat yang sepatutnya, sesuai dengan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"!

Jika begitu penegasannya, terutama oleh seorang yang sangat berautoriti untuk bercakap tentang bahasa, mampukah lagi untuk kita menidakkan fakta bahawa kelunturan kebakuan bahasa dan kepudaran rasa cinta dan bangga terhadap bahasa Melayu, terutama dalam kalangan generasi muda pada masa ini dan abad mendatang memang satu realiti semasa, bukan rekaan dan bukan juga momokan atau tuduhan melulu. **PB**